

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Bahagian Kejuruteraan Automotif

www.jpj.gov.my



GARIS PANDUAN PEMASANGAN IKLAN PADA BADAN KENDERAAN (PINDAAN 2) 2019



ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	1
TUJUAN	2
SKOP & DEFINISI	3
SYARAT PERMOHONAN	5
KAEDAH PEMASANGAN	7
SYARAT-SYARAT KHAS	8
CONTOH PEMASANGAN	15
PROSEDUR DAN DOKUMEN	16
KELULUSAN	16
KESALAHAN	17

TUJUAN

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan keperluan dan peraturan-peraturan berkaitan mempamerkan dan memasang iklan pada badan kenderaan. Setiap pemilik kenderaan haruslah mematuhi prosedur ini bagi tujuan memasang iklan pada kenderaan.



Kenderaan Jenis Bas



Kenderaan Jenis Lori



Kenderaan Jenis Van



Kenderaan Jenis Motokar



Kenderaan Bersendi

Contoh Gambarajah Kenderaan Barang Yang Memasang Iklan

2. SKOP

Permohonan ini melibatkan pemasangan iklan pada badan kenderaan sahaja.

3. DEFINISI

BIL	PERKARA	DEFINISI
3.1	Kenderaan Perdagangan	Kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan
3.2	Kenderaan Barangan	Mana-mana kenderaan motor yang dibina atau disesuaikan untuk kegunaan membawa barangan.
3.3	Kenderaan Perkhidmatan Awam	Kenderaan motor yang digunakan untuk membawa penumpang-penumpang untuk sewa atau upah atau apa-apa balasan lain yang berharga
3.4	Kenderaan Pelancongan	Sesuatu bas persiaran atau kereta sewa dan pandu.
3.5	Kenderaan Kerajaan /Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan	Kenderaan bermotor yang didaftarkan atas hak milik kerajaan / Badan berkanun /Pihak Berkuasa Tempatan
3.6	Iklan	Satu kaedah atau cara bagi tujuan memaklumkan atau memperkenalkan barangan, perkhidmatan, inspirasi dan maklumat sesuatu kepada umum.

3.7	<i>E-Hailing</i>	Suatu kenderaan motor yang muatan duduknya empat orang dan tidak lebih dari sebelas orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi tambang perseorangan atau tambang berasingan bagi setiap satunya, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan tambang bagi perjalanan itu dipermudahkan melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan.
3.8	Identiti Korporat	Adalah merupakan ciri-ciri yang merupakan identiti bagi sesebuah syarikat / organisasi atau perbadanan. Ciri-ciri ini boleh diwakili dengan rekabentuk, warna, maklumat, slogan dan logo.
3.9	Entiti	Syarikat / Pertubuhan / IPTA / IPTS / Badan Berkanun / Persatuan / NGO

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Dikemukakan oleh pemilik / wakil ke Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ.
- ii. Boleh dimohon di Bahagian Kejuruteraan Automotif Negeri sahaja.
- iii. Kategori kenderaan yang layak dipertimbangkan :-
 - a. Kenderaan Perdagangan
 - b. Kenderaan Persendirian Syarikat
 - c. Kenderaan *E-Hailing* yang telah mendaftar kod kegunaan, (AH).
- iv. Kategori jenis Kenderaan Persendirian Individu adalah **tidak** dibenarkan pemasangan iklan.
- v. Kenderaan yang mempamerkan identiti korporat, promosi dasar kerajaan dan NGO adalah tidak perlu memohon kelulusan memasang iklan dengan syarat mematuhi kriteria seperti di perkara **7(iv), 7(v) dan 7(vi)**.

5. SYARAT UMUM PEMASANGAN IKLAN

- i. Semua iklan hendaklah mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu, namun penggunaan Bahasa Inggeris juga adalah dibenarkan.
- ii. Bagi penggunaan Bahasa lain, Bahasa tersebut hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Melayu.
- iii. Hendaklah berkaitan dengan produk syarikat yang memohon. Jika tidak berkaitan, surat kebenaran rasmi / salinan kontrak / *confirmation order* / *purchase order* hendaklah dilampirkan.
- iv. Kenderaan hendaklah didaftarkan di atas nama entiti berkenaan sahaja. Bagi kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat lain atau anak syarikat yang mewakili entiti berkenaan boleh dibenarkan dengan syarat memerlukan surat pengesahan dari entiti tersebut.

- v. Iklan berkaitan ubat-ubatan perlu mematuhi Akta Ubat 1956 dan peraturannya. No siri kelulusan dari Lembaga Iklan Ubat (KKM) hendaklah ditunjukkan dengan jelas di dalam iklan.

vi. **Jenis-Jenis Iklan Yang Tidak Dibenarkan :-**

- a. Iklan-iklan yang mengandungi bahan-bahan menghairahkan dan boleh merosakkan moral dan fikiran atau menimbulkan perasaan marah di kalangan orang ramai.
- b. Kenyataan-kenyataan yang tidak betul dan tidak benar, mengelirukan orang ramai dan bertentangan dengan kehendak kaedah-kaedah atau undang-undang Negara yang diamalkan.
- c. Iklan ubat-ubatan yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- d. Iklan-iklan yang mempamerkan gambar-gambar lucah, kurang sopan dan ganas.
- e. Iklan-iklan minuman keras dan rokok sama ada ditonjolkan secara langsung atau tidak langsung.
- f. Iklan-iklan perjudian.
- g. Iklan-iklan yang berbentuk provokasi terhadap agama, bangsa, kaum dan negara.
- h. Iklan Ilmu ghaib dan penilikan.
- i. Iklan Khinzir, produk-produk dan terbitan-terbitan daging khinzir.
- j. Iklan berkaitan bahan letupan atau merbahaya; Contoh Bunga Api, Mercun.
- k. Iklan berkaitan agensi pekerjaan dan perkahwinan tanpa lesen.

6. KAEDAH PEMASANGAN IKLAN PADA BADAN KENDERAAN :-

- i. Hendaklah dalam bentuk tampalan atau semburan cat sahaja. Selain dari kaedah ini, kaedah pemasangan lain seperti *bolt & nut* / *rivet* atau sebagainya boleh dipertimbangkan selagi tidak menjejaskan keselamatan kenderaan.

Lampiran Contoh gambar



Contoh: Pemasangan iklan dengan menggunakan bot dan nut yang dipasang pada pagar sisi Kenderaan Kargo Am



Contoh: Pemasangan iklan dengan menggunakan struktur pada bumbung kenderaan.


- ii. Bagi pemasangan iklan jenis struktur di atas bumbung atau pada bahagian lain kenderaan, perlu mendapat surat kelulusan rekabentuk dari Ibu Pejabat Bahagian Kejuruteraan Automotif terlebih dahulu sebelum permohonan pemasangan iklan tersebut diluluskan.
- iii. Bagi pemasangan iklan jenis elektronik adalah perlu memohon terus ke Ibu Pejabat Bahagian Kejuruteraan Automotif untuk pertimbangan dan kelulusan.
- iv. Tidak menjejaskan tanda-tanda BDM / BTM, nama dan alamat pemilik / pemegang lesen, tanda had laju dan lain-lain tanda yang disyaratkan.
- v. Tidak dibenarkan dipamerkan pada semua cermin kenderaan.
- vi. Tidak menjejaskan dan mengganggu mana-mana lampu pada kenderaan.
- vii. Tidak boleh melindungi nombor pendaftaran kenderaan.

7. SYARAT-SYARAT KHAS PEMASANGAN IKLAN

i. Pemasangan iklan Pada Badan Bas :-

- a. Dibenarkan pada kesemua bahagian badan bas kecuali pada tanda badan, kesemua cermin dan lampu bas.
- b. Bagi Bas Persiaran / Pelancongan, cat berwarna hijau di bahagian bawah tidak boleh diganggu atau ditampal iklan. Iklan juga hendaklah tidak menjejaskan tulisan **BAS PERSIARAN**. Bagi tampalan iklan pada 20% bahagian atas cermin hadapan tidak perlu permohonan.
- c. Kementerian Perlancongan **tidak membenarkan** sebarang iklan komersial ditampal pada badan bas persiaran. Badan bas persiaran hanya boleh dicat dan dihias mengikut kehendak peraturan penyeragaman warna bas persiaran dibawah Peraturan 15 dan 16 Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.

Contoh gambar



- d. Bagi Bas Sekolah, pemasangan iklan adalah tidak dibenarkan. Hanya dibenarkan mempamerkan suatu logo pada bahagian hadapan, belakang dan dikedua-dua belah bahagian badan bas dan tulisan **BAS SEKOLAH** hendaklah dipamerkan sepertimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987. Bagi tampalan iklan pada 20% bahagian atas cermin hadapan tidak perlu permohonan.

- e. Pemasangan sebarang bentuk Warna/ Rekabentuk/ Logo dan Maklumat bersifat *Awareness* berkaitan keselamatan lalulintas atau murid-murid adalah dibenarkan hanya pada bahagian belakang bas sahaja tanpa perlu memohon.

Contoh gambar:



- f. Bagi Bas Pekerja pemasangan iklan adalah tidak dibenarkan. Tulisan **BAS PEKERJA** hendaklah dipamerkan pada kedua-dua belah bahagian badan bas. Bagi tampalan iklan pada 20% bahagian atas cermin hadapan tidak perlu permohonan.

Contoh gambar:



ii. Pemasangan Iklan Pada Badan Lori Rigid / Penggerak Utama / Treler :-

- a. Dibenarkan pada kesemua bahagian badan lori rigid / Penggerak Utama / Treler kecuali pada tanda badan, kesemua cermin kenderaan dan lampu.
- b. Bagi Penggerak Utama dan Treler, permohonan dibuat berdasarkan tampalan iklan pada badan kenderaan yang di pasang iklan sahaja. Jika iklan di tampal pada penggerak utama dan semi-treler, JPJ Negeri perlu mengeluarkan dua (2) surat kelulusan berasingan bagi penggerak utama dan semi-treler berkenaan. Jika hanya pada penggerak utama, maka surat kelulusan di atas pendaftaran penggerak utama tersebut. Begitu juga jika iklan ditampal pada semi-treler, maka kelulusan di atas semi-treler tersebut.

iii. Pemasangan Iklan Pada Badan Teksi / Kereta Sewa / E-Hailing:-

- a. Dibenarkan pada kesemua bahagian badan kenderaan kecuali pada tanda badan, kesemua cermin dan lampu kenderaan.
- b. Bagi teksi dan kereta sewa, pameran iklan di atas bumbung hendaklah dibuat dengan struktur panel seperti yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan 1959).

Contoh gambar:



iv. Identiti Korporat Pada Badan Kenderaan :-

- a. Bagi pemasangan Identiti korporat pada kenderaan, pemilik boleh berurusan terus di Puspakom tanpa kelulusan Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ.
- b. Rekabentuk / Warna / Logo / Maklumat Korporat yang dipamerkan pada kenderaan hendaklah berkaitan dengan aktiviti yang dilaksanakan oleh entiti tersebut yang tidak melibatkan promosi.
- c. Maklumat seperti Nama, Alamat, Nombor Telefon, Emel, Slogan dan Laman Sesawang boleh dikategorikan sebagai Maklumat Korporat bagi sesebuah entiti. Maklumat berkenaan boleh dipamerkan pada badan kenderaan mengikut kesesuaian.
- d. Sebarang bentuk Identiti Korporat yang mengandungi gambar Duta atau Model adalah diklasifikasikan sebagai iklan dan wajib memohon.

Sebagai Contoh:



- e. Kenderaan hendaklah didaftarkan di atas nama entiti berkenaan sahaja. Bagi kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat lain atau anak syarikat yang mewakili entiti berkenaan boleh dibenarkan dengan syarat memerlukan surat pengesahan dari entiti tersebut. Surat Pengesahan perlu disertakan semasa pemeriksaan di PUSPAKOM.

- f. Klasifikasi Identiti korporat :
- Mempunyai elemen pengenalan identiti sesebuah entiti.
 - Tidak boleh mengandungi unsur menarik pelanggan
 - Bukan tujuan menjual produk
- g. Berikut adalah contoh gambarajah Rekabentuk / Warna / Logo / Maklumat;



Logo Korporat





Identiti Korporat

v. Iklan Berkaitan Agensi Dan Dasar Kerajaan

- a. Bagi kategori ini pemilik boleh berurusan terus di Puspakom tanpa kelulusan Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ.
- b. Klasifikasi Iklan bagi kategori ini adalah:
 - Iklan mempromosi agensi kerajaan, dasar-dasar kerajaan, dan kempen-kempen yang berkaitan kerajaan.
 - Tidak boleh mengandungi unsur-unsur politik
 - Tidak mempunyai unsur perniagaan.
- c. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama kerajaan / agensi kerajaan. Bagi kenderaan syarikat atau entiti selain kerajaan, perlu mendapat surat pengesahan/kebenaran dari agensi berkaitan. Surat ini perlu disertakan semasa pemeriksaan di PUSPAKOM.

d. Contoh Kenderaan:



vi. Iklan *Non-Government Organization* (NGO)

- Bagi kategori ini pemilik boleh berurusan terus di Puspakom tanpa kelulusan Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ.
- Iklan yang dipamerkan adalah bercirikan Sumbangan / Bantuan Kemanusiaan / apa-apa iklan yang tidak mempunyai unsur perniagaan.
- Syarat-syarat pemasangan iklan mestilah mematuhi perkara seperti di **Para 5**.

vii. Iklan Pelbagai (*Multiple Advertisement*)

- Bagi kategori ini pemilik perlu mendapatkan kelulusan dari Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ sebelum melakukan sebarang urusan di Puspakom.
- Klasifikasi Iklan bagi kategori ini adalah:
 - Iklan dipasang lebih dari satu jenis iklan pada badan kenderaan
 - Iklan bertujuan untuk mempromosikan produk.
- Syarat-syarat pemasangan iklan mestilah mematuhi perkara seperti di **Para 5**.

8. CONTOH PEMASANGAN IKLAN

Tanda badan
kendaraan



Penggunaan bahasa
melayu yang jelas dan
mempamerkan
produk syarikat yang
memohon



Contoh gambarajah memasang iklan yang mengikuti syarat-syarat yang dibenarkan

9. PROSEDUR DAN DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN

- i. Borang Permohonan JPJIK / Portal MySikap JPJ
- ii. Salinan Sijil Pendaftaran syarikat / perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii. Salinan gambar atau lakaran grafik berwarna yang menunjukkan contoh iklan pada badan kenderaan. Gambar sisi kiri & kanan, hadapan & belakang kenderaan.
- iv. Surat Kebenaran Rasmi / salinan kontrak / *confirmation order* / *purchase order* daripada syarikat pemilik produk.

10. KELULUSAN

- i. Tempoh kelulusan permohonan pemasangan iklan adalah **2 tahun** dari tarikh surat dikeluarkan.
- ii. Kelulusan pemasangan iklan ini terbatal jika berlaku tukar hak milik kenderaan.
- iii. Kelulusan ini terbatal jika terdapat sebarang pengubahsuaian dari iklan yang telah diluluskan.
- iv. Surat ini dan lakaran/gambar iklan pada badan kenderaan yang telah diluluskan hendaklah sentiasa dibawa bersama-sama di dalam kenderaan untuk tujuan pemeriksaan anggota penguatkuasa atau pemeriksaan di PUSPAKOM.
- v. Sebarang pemasangan iklan adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan.

KESALAHAN

11.KESALAHAN

- i. Kaedah 49, Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959, menyatakan bahawa tiada kenderaan bermotor dibenarkan membuat pengiklanan tanpa kebenaran.
- ii. Tindakan undang-undang boleh diambil jika pengiklanan dilakukan pada kenderaan tanpa kebenaran.
- iii. Kenderaan Persendirian Individu adalah tidak dibenarkan untuk memasang iklan.

Disediakan Oleh:

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
SEKSYEN PENYELARASAN TEKNIKAL & KONSULTASI
IBU PEJABAT JPJ PUTRAJAYA**